

Headline	Tahap kepekaan penduduk perlu dipertingkatkan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	8
ArticleSize	239 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,171		



Tahap kepekaan penduduk perlu dipertingkatkan

CAMERON HIGHLANDS 25 Okt Meskipun sebahagian besar penduduk di sekitar kawasan Lembah Bertam menyambut baik simulasi banjir yang dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), namun masih ada segelintir penduduk yang berdegil tidak mahu turut serta dalam latihan itu.

Walaupun selepas lebih lima kali diadakan, kesedaran penduduk untuk menjayakan latihan itu masih rendah kerana beranggapan ia sekadar ujian dan tidak memberi sebarang ancaman.

Ketua Kampung Lembah Bertam, Wong Fook Chai berkata, penglibatan dalam latihan itu sangat penting untuk memberi gambaran jelas mengenai apa yang berlaku dan bentuk tindakan yang perlu dilakukan sekiranya bencana benar-benar berlaku.

Katanya, latihan pelepasan air empangan itu bertujuan meningkatkan kepekaan penduduk terhadap situasi sekitar dan kegagalan menyertai latihan itu akan menyebabkan penduduk tidak dapat memahami keadaan dan risiko sebenar apabila bencana berlaku.

"Pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sering bekerjasama dengan TNB dan agensi lain setiap kali latihan diadakan.

"Kita juga sering mengadakan perbincangan bagi mendapatkan maklumat dan situasi terkini selain mengikut semua langkah keselamatan yang disyorkan oleh TNB," katanya.

Katanya, walaupun latihan sering diadakan, beliau mengakui maklum balas penduduk terhadap latihan tersebut tidak mencapai tahap yang dikehendaki.

"Latihan ini telah banyak kali

diadakan tetapi penduduk merasakan tidak perlu turut serta kerana beranggapan ia hanya latihan. Sikap ini perlu diubah demi keselamatan bersama," katanya.

Bagaimanapun, bagi Koo Lee Mei, 40, dia akan segera mencari tempat selamat setiap kali mendengar bunyi siren walaupun menyedari ia hanya sesi latihan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

Katanya, sikap peka dan tindakan pantas penduduk amat penting kerana ia penentu kepada keselamatan diri dan keluarga.

"Dulu setiap kali hujan lebat, saya selalu bimbang berlaku banjir," katanya.

Bagaimanapun, selepas projek melebar dan mendalamkan Sungai Bertam dijalankan, perasaan bimbang itu hilang.

"Sekarang kami berasa lebih selamat dan jika berlaku hujan lebat sekali pun perasaan bimbang itu sudah tiada," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Anuar Mohd. Zin, 35, pula berkata, usaha yang dilakukan oleh TNB menerusi latihan pelepasan air itu membolehkan penduduk lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Ini satu usaha yang baik sebab bahaya datang tanpa diduga, apatah lagi bila ia melibatkan nyawa. Melalui sistem amaran ini, penduduk akan lebih berjaga-jaga kerana sedar bahaya semakin dekat,"ujarnya.

Dalam banjir besar yang berlaku di sekitar Cameron Highlands pada 2013, empat penduduk dilaporkan terkorban, manakala dalam tragedi sama yang berlaku pada tahun berikutnya sebanyak lima penduduk dilaporkan maut.